

# PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH  
PENGURUSAN  
DAN  
PROFESIONAL**



**PENOLONG PEGAWAI  
PERUBATAN GRED U41**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Kekosongan : 20**

**Simpanan : 20**

## 1. Syarat Lantikan

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- memiliki ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM2,429.00)

## 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 3. Keperluan Bidang Pengkhususan (Ditetapkan oleh Jabatan)

- (a) Dietetik;
- (b) Sains Bioperubatan/ *Biomedical Science*;
- (c) Sains Forensik;
- (d) Sains Kejururawatan;
- (e) Sains Kesihatan (Penjagaan Pra Hospital/ Pre Hospital);
- (f) Sains Kesihatan/ *Health Studies*;
- (g) Sains Perubatan Kecemasan;
- (h) Sains Sosial (Psikologi); atau
- (i) Sains Sukan.

### 4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

### 5. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :  
<https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/penolong-pegawai-perubatan-u41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga terdekat dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **14 November 2022 (Isnin), jam 11.59 malam**.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM